

Product Disclosure Sheet

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your investment linked takaful. Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.

Name of takaful operator	FWD Takaful Berhad ('FWD')
Distributor	HSBC Amanah Malaysia Berhad, 200801006421 (807705-X) ('the Bank')
Product name	Takaful FutureMax
Sum covered	RM500,000

Find out more:



1 What is Takaful FutureMax?

Takaful FutureMax is a 10-year limited pay contribution investment-linked takaful plan that offers takaful protection for death, Total and Permanent Disability (TPD) and cancer. The coverage period is 70 years.

Shariah concept applicable:

- **Wakalah:** The contract where the participant appoints FWD to manage the Participants' Risk Fund (PRF) and the relevant participants' funds in accordance with Shariah principles. Participant agrees to remunerate FWD on pre-agreed basis for the services provided.
- **Tabarru':** A donation for the purpose of takaful where participants agree to assist each other financially in case of certain defined needs.
- **Ju'alah:** This is the reward to FWD for the good performance of the PRF and the relevant participants' funds it manages. For this plan, FWD gets 50% of the distributable surplus from the PRF, and the other 50% goes to eligible participants.
- **Qard:** An interest-free loan by FWD to the PRF if it is in deficit. The loan is repayable from the future surplus arising in the PRF.

2 Know Your Coverage/Benefits

As an illustration, for RM29,400.00 annually, a 30-year-old age next birthday (ANB) male from occupation class 1 will receive the following takaful coverage/benefits:

Death or TPD ¹ benefit due to natural cause	We will pay the higher of 100% of sum covered or your total account value in Participants' Savings Account ² (PSA).
Multiple indemnity ¹ benefits due to accidental cause	▪ We will pay the higher of accidental sum covered or your total account value in the PSA. ▪ Please refer to the appendix for the benefit details.
Cancer benefit ¹	▪ We will pay 50% of the sum covered and future contributions (if any) will be waived. ▪ Please refer to the appendix for the benefit details.
Fund Booster	At the end of certificate year 5, we will pay 10% of annual contribution ³ into your account value in the PSA.
Maturity benefit and reward	An additional 10% of the annual contribution ³ as Maturity Reward will be paid to your account value in PSA before the certificate anniversary, after the 79 th birthday of the person covered. Upon maturity, 100% of your account value in the PSA will be paid.
Waiver of Contribution (WOC) benefit	Future contributions consisting of base plan contribution and FWD Saver will be waived after the Cancer benefit claim is paid.

¹ The TPD, multiple indemnity and cancer benefits are up to age 75 ANB or certificate expiry date, whichever is earlier.

² The account value in the PSA shall be based on the unit price of chosen funds at the next valuation point.

³ The amount of annual contribution consists of base plan contribution and FWD Saver.

Note:

- For illustration purposes, the figures shown are based on the sum covered of RM500,000.
- Please refer to the certificate for further details on the benefits.

Your investment linked takaful **excludes**:

- Death benefit: Suicide within one year from date of commencement/reinstatement/sum covered is increased, whichever is later.
- TPD, Cancer and WOC benefits:
 - Attempted suicide or an intentional self-inflicted act by the person covered within one year from date of commencement/reinstatement/sum covered is increased, whichever is later.
 - Wilfully participated in an unlawful act or unlawful failure to act.
 - An act of war (whether declared or not), coup, revolution, riot, or any similar event.
- Cancer and WOC benefits: Any illness, disease or disability that existed prior to the commencement/reinstatement date, whichever is later.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the certificate for the full list of limitation and exclusions.

If you have any questions or require assistance on your investment linked takaful, you can:



Call us at:
1 300 13 7988



Visit us at:
<https://www.fwd.com.my/>



Email us at:
contact.my@fwd.com



Scan the QR code above for
claim details

3 Know Your Obligations

For your investment linked takaful, you must pay total contribution ¹ of RM29,400.00 annually for 10 years.											
Base contribution	RM14,700.00 annually.										
FWD Saver	RM14,700.00 annually.										
Allocated contribution ²	The total allocated contribution is 92.50% or RM271,950.00 of your total contribution ¹ .										
You also have to pay the following fees and charges:											
Wakalah fee ³	The total wakalah fees that you have to pay are RM22,050.00 or 7.50% of your total contribution over the certificate term, which include FWD Saver of RM7,350.00 or 2.50%.										
Commission	Contribution year	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	Base Plan (%)	26.25%	6.50%	6.50%	2.00%	2.00%	1.75%	1.00%	1.00%	1.00%	1.00%
	Base Plan (RM)	3,859	956	956	294	294	257	147	147	147	147
	FWD Saver (%)	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%
	FWD Saver (RM)	551	551	551	551	551	551	551	551	551	551
The total commission are RM12,715.50 or 4.33% and part of wakalah fee.											
Stamp duty	RM10 is charged one time upon certificate issuance in addition to your first contribution.										
Tabarru' charge	This will be deducted monthly from your account value in the PSA.										
Fund management charge	This is the charge to cover the cost of managing investment fund(s) and will be charged when the unit price is calculated.										
Monthly service charge	RM 10 per month. This charge is deducted monthly from your account value in the PSA.										
Contribution holiday charge	This will be charged if you do not pay your contributions during the first three certificate years. It will be 2% of each missed contribution due and will be deducted from your account value in the PSA.										

¹ The total contribution includes the base contribution and FWD Saver. The contribution and certificate terms may vary depending on our underwriting requirement.

² Percentage of your contributions that are allocated towards the purchase of units of your preferred investment funds.

³ Percentage of your contributions that are unallocated, used to pay our expenses and direct distribution costs, including commission to the bank.

Note:

- For illustration purposes, the figures shown are based on the sum covered of RM500,000.
- Please refer to the Benefit Illustration for further details.

4 Other Key Terms

- Importance of disclosure:** You must disclose all material facts such as your health condition and state your age and gender correctly. Otherwise, you may risk having your claim rejected or certificate terminated.
- Cash value:** The cash value of this product depends on the performance of your chosen fund(s).
- Grace period:** A grace period of 60 days from each contribution due date is given for you to pay the respective contributions. Contribution payment beyond the grace period and partial withdrawal may result in certificate lapse and may affect future benefit payouts.
- Non-lapse facility:** If the value in your PSA reduces to zero during the first 5 years of your certificate, FWD T will pay for any deficit charges on your behalf if you do all the following:
 - continue to pay all contributions due;
 - do not increase your sum covered;
 - do not decrease your contribution; and
 - do not make any withdrawals from your PSA.
- Lapse:** Your certificate will lapse when your account value in the PSA is insufficient to pay the tabarru'. This is subject to the non-lapse facility clause as described above. If your certificate lapse, you can reinstate your certificate within two years of it ending if we agree to it.
- Waiting period:** You will not receive any Cancer and Waiver of Contribution benefit if the person covered's diagnosed with Cancer within 90 days from the commencement/reinstatement date, whichever is later.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the certificate for the full list of the key terms and conditions.



Can I cancel my certificate?

Yes, you may cancel your certificate by giving a written notice to us.

- Free-look period:** If you are unsatisfied with your certificate within 15 days after you receive it, you can contact us to cancel it. We will refund wakalah fees, your account value in the PSA, tabarru' and service charge less any medical fee we have paid.
- Surrender:** You can also cancel your certificate at any time after the free-look period. Your certificate will end and we will pay your account value in the PSA after deducting surrender charges (if any). You will not be able to reinstate (restart) your certificate after you cancel it.

THIS IS A TAKAFUL PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF UNDERLYING ASSETS, AND IS NOT A PURE INVESTMENT PRODUCT SUCH AS UNIT TRUSTS.

PROTECTION BY PIDM ON BENEFITS PAYABLE FROM THE UNIT PORTION OF THIS PRODUCT IS SUBJECT TO LIMITATIONS. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWD T or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Appendix

Multiple indemnity benefits due to accidental cause

Accidental sum covered is calculated as follows:

In the event of	Accidental sum covered (% of sum covered)
Death/TPD due to accident	200%
Death/TPD due to accident while in public conveyance	300%
Death/TPD due to accident while travelling abroad for not more than 90 consecutive days in each trip	400%

Cancer benefit

The Cancer benefit payable consists of:

- Sum-At-Risk (SAR) of this benefit payable from Participants' Risk Fund (PRF); and
- Your account value in the PSA;

where;

SAR = 50% of the sum covered – (50% of your account value in PSA at the date of claim approved).

If the SAR is zero or less, this Cancer benefit will be paid 100% from your account value in the PSA.

Definition of Total and Permanent Disability (TPD)

Total and Permanent Disability (TPD) means the person covered has suffered the total and irrecoverable loss of:

- the sight of both eyes; or
- the sight of one eye and the loss of use of one limb at or above the ankle or wrist; or
- both hands at or above the wrists; or
- both feet at or above the ankles; or
- one hand at or above the wrist and one foot at or above the ankle.

For a person covered who is working for remuneration when they first suffer TPD:

Means the person covered has suffered an illness or injury which has caused them to be unable to work for at least six months in a row, and to be totally and permanently unable to engage for profit or reward in:

- the occupation they were engaged in when the illness or injury first happened; and
- any occupation they are suited to base on their education, experience, or training.

For a person covered who is not working for remuneration when they first suffer TPD:

Means the person covered has suffered an illness or injury, and totally and permanently unable to perform at least 3 of the activities of daily living without the assistance of another person for at least six months in a row.

For the purpose of this TPD definition, the word "permanent" means beyond the hope of recovery and verified by a qualified medical practitioner.

Definition of Activities of Daily Living (ADLs)

- Transfer:** The ability to get in and out of a chair without requiring physical assistance.
- Mobility:** The ability to move from room to room without requiring physical assistance.
- Continence:** The ability to voluntarily control bowel and bladder functions such as to maintain personal hygiene.
- Dressing:** The ability to put on and take off all necessary items of clothing without requiring the assistance of another person.
- Bathing or washing:** The ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means.
- Eating:** All tasks of getting food into the body once it has been prepared.

Definition of Cancer

Any malignant tumour positively diagnosed with histological confirmation and characterized by the uncontrolled growth of malignant cells and invasion of tissue. The term malignant tumour includes leukemia, lymphoma and sarcoma.

The following are not covered.

- All cancers which are histologically classified as any of the following:
 - pre-malignant;
 - non-invasive;
 - carcinoma in situ;
 - having borderline malignancy; or
 - having malignant potential.
- All tumours of the prostate histologically classified as T1N0M0 (TNM classification).
- All tumours of the thyroid histologically classified as T1N0M0 (TNM classification).
- All tumours of the urinary bladder histologically classified as T1N0M0 (TNM classification).
- Chronic Lymphocytic Leukemia less than RAI Stage 3.
- All cancers in the presence of HIV.
- Any skin cancer other than malignant melanoma.

Risalah Pemberitahuan Produk

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful berkaitan pelaburan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga disarankan untuk membacanya.

Nama pengendali takaful	FWD Takaful Berhad ('FWD')
Pengedar	HSBC Amanah Malaysia Berhad, 200801006421 (807705-X) ('Bank')
Nama produk	Takaful FutureMax
Jumlah dilindungi	RM500,000

Ketahui lebih lanjut:



1 Apa itu Takaful FutureMax?

Takaful FutureMax adalah pelan takaful berkaitan pelaburan dengan bayaran sumbangan terhad selama 10-tahun yang menawarkan perlindungan takaful bagi kematian, Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) dan kanser. Tempoh perlindungan adalah 70 tahun.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- Wakalah: Kontrak yang mana peserta melantik FWD untuk mengurus Dana Risiko Peserta (DRP) dan dana peserta yang berkaitan berlandaskan prinsip Syariah. Peserta bersetuju untuk memberi upah tertentu kepada FWD seperti yang dipersetujui atas perkhidmatan yang diberikan.
- Tabarru': Derma untuk tujuan takaful yang mana para peserta bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan jika berlaku keadaan yang tertentu.
- Ju'alah: Ia adalah ganjaran kepada FWD atas prestasi yang baik dalam pengurusan DERP dan dana peserta yang berkaitan. Bagi pelan ini, FWD akan menerima 50% daripada lebihan DERP yang boleh diagihkan, dan baki 50% diberikan kepada peserta yang layak.
- Qard: Pinjaman tanpa faedah oleh FWD kepada DERP sekiranya DERP mengalami defisit. Pinjaman tersebut akan dibayar balik daripada lebihan DERP di masa hadapan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM29,400.00** setiap tahun, seorang lelaki berumur 30 tahun (umur pada hari lahir berikutnya) daripada kelas pekerjaan 1 akan menerima **perlindungan/manfaat** takaful berikut:

Manfaat kematian atau HUPK ¹ akibat semulajadi	Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi atau jumlah nilai akaun anda dalam Akaun Simpanan Peserta ² (ASP), yang mana lebih tinggi.
Manfaat pelbagai pampasan ¹ akibat kemalangan	- Kami akan membayar jumlah dilindungi akibat kemalangan atau jumlah nilai akaun dalam ASP, yang mana lebih tinggi. - Sila rujuk lampiran untuk butiran manfaat.
Manfaat Kanser ¹	- Kami akan membayar 50% daripada jumlah dilindungi dan sumbangan masa hadapan (jika ada) akan dikecualikan. - Sila rujuk lampiran untuk butiran manfaat.
Pelaburan Tambahan	Pada akhir tahun sijil ke-5, kami akan membayar 10% daripada sumbangan tahunan ³ ke dalam nilai akaun dalam ASP.
Manfaat dan ganjaran kematangan	Tambahan 10% daripada sumbangan tahunan ³ sebagai Ganjaran Kematangan akan dibayar kepada nilai akaun anda dalam ASP sebelum ulang tahun sijil, selepas ulang tahun kelahiran ke-79 orang dilindungi. Apabila sijil matang, 100% nilai akaun anda dalam ASP akan dibayar.
Manfaat pengecualian sumbangan	Sumbangan seterusnya yang terdiri daripada sumbangan pelan asas dan FWD Saver akan dikecualikan selepas tuntutan manfaat Kanser dibayar.

¹ Manfaat HUPK, pelbagai pampasan dan kanser adalah sehingga orang dilindungi berumur 75 tahun hari lahir berikutnya atau sebelum tarikh tamat sijil, yang mana lebih awal.

² Nilai akaun dalam ASP adalah bergantung pada harga unit pada titik penilaian yang berikutnya.

³ Jumlah sumbangan tahunan terdiri daripada sumbangan pelan asas dan FWD Saver.

Nota:

- Untuk tujuan ilustrasi, nilai yang ditunjukkan adalah berdasarkan jumlah dilindungi sebanyak RM500,000.
- Sila rujuk sijil untuk maklumat lanjut mengenai manfaat.

Takaful berkaitan pelaburan anda **mengecualikan**:

- Manfaat kematian: Bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula/penghidupan semula/jumlah dilindungi meningkat, yang mana kemudian.
- Manfaat HUPK, Kanser dan pengecualian sumbangan:
 - Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan terhadap diri sendiri oleh orang dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula/penghidupan semula/jumlah dilindungi meningkat, yang mana kemudian.
 - Penglibatan secara sengaja dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan untuk bertindak mengikut undang-undang.
 - Tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa kejadian yang serupa.
- Manfaat Kanser dan pengecualian sumbangan: Sebarang keadaan, penyakit atau ketidakupayaan yang wujud sebelum tarikh mula /penghidupan semula, yang mana kemudian.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk had dan pengecualian yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai takaful berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1 300 13 7988



Layari lawan web di:
<https://www.fwd.com.my/>



E-mel kami melalui:
contact.my@fwd.com



Imbas kod QR di atas untuk melihat butiran tuntutan

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful berkaitan pelaburan anda, anda harus membayar jumlah sumbangan¹ sebanyak RM29,400.00 setiap tahun untuk 10 tahun.

Sumbangan asas	RM14,700.00 setiap tahun.										
FWD Saver	RM14,700.00 setiap tahun.										
Sumbangan diperuntukkan ²	Jumlah sumbangan yang diperuntukkan ialah 92.50% atau RM271,950.00 daripada jumlah sumbangan ¹ .										
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:											
Yuran wakalah ³	Jumlah yuran wakalah yang perlu anda bayar adalah sebanyak RM22,050.00 atau 7.50% daripada jumlah sumbangan anda semasa tempoh sijil, yang mana termasuk FWD Saver sebanyak RM7,350.00 atau 2.50%.										
Komisen	Tahun sumbangan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	Pelan asas (%)	26.25%	6.50%	6.50%	2.00%	2.00%	1.75%	1.00%	1.00%	1.00%	1.00%
	Pelan asas (RM)	3,859	956	956	294	294	257	147	147	147	147
	FWD Saver (%)	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%	3.75%
	FWD Saver (RM)	551	551	551	551	551	551	551	551	551	551
Jumlah komisen adalah sebanyak RM12,715.50 atau 4.33% dan sebahagian daripada yuran wakalah.											
Duti setem	RM10 akan dikenakan sekali sahaja semasa pengeluaran sijil bersama sumbangan pertama anda.										
Caj tabarru'	Caj ini akan ditolak setiap bulan daripada nilai akaun anda dalam ASP.										
Caj pengurusan dana	Ini ialah caj untuk menampung kos pengurusan dana pelaburan dan akan dikenakan apabila harga unit dikira.										
Caj perkhidmatan bulanan	RM 10 setiap bulan. Caj ini akan ditolak daripada nilai akaun anda dalam ASP setiap bulan.										
Caj cuti sumbangan	Ini adalah caj yang kami tolak jika anda tidak membayar sumbangan kontrakual anda dalam tempoh tiga tahun pertama sijil anda. Ia adalah 2% daripada setiap sumbangan yang tidak dibayar dan akan ditolak daripada nilai akaun anda dalam ASP.										

¹ Jumlah sumbangan termasuk sumbangan asas dan FWD Saver. Sumbangan dan terma sijil mungkin berbeza bergantung pada syarat pengunderaitan kami.

² Peratusan daripada sumbangan anda yang diperuntukkan untuk membeli unit dana pelaburan pilihan anda.

³ Peratusan daripada sumbangan anda yang tidak diperuntukkan, digunakan untuk membayar perbelanjaan kami dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen kepada bank.

Nota:

- Untuk tujuan ilustrasi, nilai yang ditunjukkan adalah berdasarkan jumlah dilindungi sebanyak RM500,000.
- Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut.

4 Terma Utama Lain

- Keperluan untuk membuat pendedahan:** Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan anda dan menyatakan umur dan jantina anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak, atau sijil anda ditamatkan.
- Nilai tunai:** Nilai tunai bagi produk ini bergantung pada prestasi dana yang anda pilih.
- Tempoh tangguh:** Tempoh tangguh selama 60 hari dari setiap tarikh sumbangan perlu dibayar diberikan untuk anda membayar sumbangan tersebut. Pembayaran sumbangan melebihi tempoh tangguh dan pengeluaran sebahagian mungkin menyebabkan sijil luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat pada masa hadapan.
- Kemudahan tidak luput:** Jika nilai ASP anda menjadi sifar semasa 5 tahun pertama sijil anda, FWD Takaful akan membayar caj tertunggak bagi pihak anda jika anda melakukan semua di bawah:
 - membayar semua sumbangan yang perlu dibayar;
 - tidak meningkatkan jumlah dilindungi;
 - tidak mengurangkan sumbangan; dan
 - tidak membuat sebarang pengeluaran daripada akaun ASP anda.
- Luput:** Sijil anda akan luput apabila nilai akaun anda dalam ASP tidak mencukupi untuk membayar tabarru'. Ini tertakluk pada kemudahan tidak luput seperti yang diterangkan di atas. Jika sijil anda luput, anda boleh menghidupkan semula sijil anda dalam tempoh dua tahun selepas ia tamat jika kami bersetuju.
- Tempoh menunggu:** Anda tidak akan menerima sebarang manfaat Kanser dan Pengecualian Sumbangan apabila orang dilindungi didiagnosis dengan Kanser dalam tempoh 90 hari dari tarikh penghidupan semula.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh terma dan syarat utama.



Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Tempoh percubaan:** Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda dalam tempoh 15 hari selepas anda menerimanya, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkannya. Kami akan memulangkan yuran wakalah, nilai akaun anda dalam ASP, tabarru' dan caj perkhidmatan tolak sebarang yuran perubatan yang telah kami bayar.
- Serahan:** Anda juga boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas tempoh percubaan. Sijil anda akan tamat dan kami akan membayar nilai akaun anda dalam ASP selepas menolak caj penyerahan (jika ada). Anda tidak boleh menghidupkan semula (memulakan semula) sijil anda selepas anda membatalkannya.

INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG BERKAITAN DENGAN PRESTASI ASET YANG MENDASAR, DAN BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWDT atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Lampiran

Manfaat pelbagai pampasan akibat kemalangan

Jumlah dilindungi akibat kemalangan dikira seperti berikut:

Apabila berlaku	Jumlah dilindungi akibat kemalangan (% daripada jumlah dilindungi)
Kematian/HUPK akibat kemalangan	200%
Kematian/HUPK akibat kemalangan semasa dalam pengangkutan awam	300%
Kematian/HUPK akibat kemalangan semasa lawatan ke luar negara tidak lebih daripada 90 hari berturut-turut bagi setiap perjalanan	400%

Manfaat Kanser

Manfaat Kanser yang dibayar terdiri daripada:

- Jumlah Risiko manfaat ini dibayar daripada Dana Risiko Peserta (DRP); dan
- Nilai akaun anda dalam ASP;

yang mana,

Jumlah Risiko = 50% daripada jumlah dilindungi – (50% daripada nilai akaun anda dalam ASP pada tarikh tuntutan diluluskan).

Jika Jumlah Risiko adalah sifar atau kurang, Manfaat Kanser ini akan dibayar 100% daripada nilai akaun anda dalam ASP.

Definisi Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)

Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) bermaksud orang dilindungi telah mengalami kehilangan penuh dan tidak dapat dipulihkan:

- penglihatan kedua-dua mata; atau
- penglihatan satu mata dan kehilangan penggunaan satu anggota badan pada atau di atas pergelangan kaki atau pergelangan tangan; atau
- kedua-dua tangan pada atau di atas pergelangan tangan; atau
- kedua-dua kaki pada atau di atas pergelangan kaki; atau
- satu tangan pada atau di atas pergelangan tangan dan satu kaki pada atau di atas pergelangan kaki.

Bagi orang dilindungi yang bekerja untuk gaji, apabila mereka pertama kali mengalami HUPK:

Bermakna orang dilindungi telah mengalami penyakit atau kecederaan yang menyebabkan mereka tidak dapat bekerja sekurang-kurangnya selama enam bulan berturut-turut, dan secara penuhnya dan kekalnya tidak dapat memperoleh keuntungan atau ganjaran dalam:

- kerja yang mereka lakukan apabila penyakit atau kecederaan pertama berlaku; dan
- sebarang pekerjaan lain yang bersesuaian dengan pendidikan, pengalaman atau latihan mereka.

Bagi orang dilindungi yang tidak bekerja untuk gaji, apabila mereka pertama kali mengalami HUPK:

Bermaksud orang dilindungi telah mengalami penyakit atau kecederaan dan secara penuh dan kekal tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya 3 daripada aktiviti kehidupan seharian tanpa bantuan orang lain sekurang-kurangnya selama enam bulan berturut-turut.

Untuk tujuan definisi HUPK ini, perkataan “kekal” bermaksud tidak dapat disembuhkan dan disahkan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

Definisi aktiviti kehidupan harian

- Pemindahan:** Keupayaan untuk bangun dan duduk dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Mobiliti:** Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Penahanan:** Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sukarela fungsi usus dan pundi bagi menjaga kebersihan diri.
- Persalinan:** Keupayaan untuk memakai dan membuka semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan pertolongan orang lain.
- Mandi/Basuh:** Keupayaan untuk membersihkan diri di dalam tab mandi atau di dalam bilik pancuran air (termasuk keluar atau masuk dari dalam tab mandi atau dari dalam bilik pancuran air) atau membersihkan dengan lain-lain cara.
- Makan:** Semua geraklaku untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas ia disediakan.

Definisi Kanser

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

Berikut adalah tidak dilindungi.

- Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
 - pra-malignan;
 - bukan invasif;
 - karsinoma in situ;
 - mempunyai malignan pinggiran (borderline); atau
 - mempunyai potensi malignan.
- Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM).
- Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM).
- Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM).
- Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3.
- Semua kanser dengan kewujudan HIV.
- Sebarang kanser kulit selain daripada melanoma malignan.